

25 JAN 1997

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI AUSTRALIA

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah telah mengirim perutusan tahniah kepada Gabenor Jeneral Australia, Sir William Deane, sempena Hari Australia.

Dalam ucap selamatnya, Tuanku Ja'afar melahirkan harapan semoga Sir William berada dalam keadaan sihat.

"Beta yakin bahawa hubungan persahabatan dan kerjasama rapat antara Malaysia dan Australia dalam pelbagai bidang akan terus dipertingkatkan pada tahun-tahun akan datang," kata Tuanku Ja'afar dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan kepada Perdana Menteri Australia John Winston Howard melahirkan harapan bahawa tahun ini akan memberi dorongan kepada rakyat Australia ke arah mencapai kejayaan dan kemakmuran yang lebih baik.

"Saya menaruh harapan untuk bekerjasama rapat demi mempertingkat dan memperkukuhkan hubungan antara Malaysia dan Australia pada tahun-tahun akan datang," kata Perdana Menteri.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Alexander Downer. -- BERNAMA

NZ FAZ